

EKONOMI

CAGAMAS RAIH RM3.21 BILION BERSAMAAN MATA WANG ASING, BON RINGGIT DALAM SATU BULAN



Presiden/ketua pegawai eksekutif Cagamas Datuk Chung Chee Leong

06/07/2023 12:34 PM

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) – Cagamas Bhd berjaya meraih agregat RM3.21 bilion bersamaan mata wang asing dan bon ringgit dalam satu bulan.

Dalam kenyataan, perbadanan gadai janji negara itu berkata dana tersebut terdiri daripada RM390 juta pembiayaan tiga bulan melalui Kertas Komersial Konvensional, Bon Kemampuan ASEAN pelbagai tempoh bernilai RM100 juta, Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) pelbagai tempoh bernilai RM1.36 bilion, Nota Jangka Sederhana Konvensional tiga tahun bernilai RM850 juta dan Nota Jangka Sederhana Dolar Singapura (SGD) satu tahun bernilai S\$150 juta (bersamaan dengan RM511.95 juta).

“Permintaan untuk kertas gred pelaburan, sama dengan Cagamas, kekal kukuh sementara pasaran global terus mengambil kira prospek pendirian dasar monetari yang tegar yang lebih lama daripada jangkaan oleh Rizab Persekutuan AS.

“Hasil yang diraih daripada terbitan itu akan digunakan untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan dan pembiayaan rumah Islam daripada sistem kewangan domestik, mencerminkan penyediaan kecairan berterusan oleh syarikat kepada sistem perbankan domestik,” kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Chung Chee Leong.

Beliau berkata jumlah dana yang diraih syarikat berjumlah RM12.97 bilion.

Setakat ini, Cagamas telah memuktamadkan enam terbitan dolar Singapura dan satu terbitan dolar Hong Kong, berjumlah RM2.86 bilion bersamaan dalam mata wang asing.

Bon denominasi SGD, yang diterbitkan melalui anak syarikat milik penuh syarikat itu, Cagamas Global P.L.C., dijamin sepenuhnya dan tanpa syarat oleh Cagamas.

Terbitan ringgit, yang akan ditebus pada nilai nominal penuh apabila matang, adalah obligasi tidak bercagar syarikat, pada kedudukan pari passu dengan semua obligasi tidak bercagar sedia ada syarikat yang lain.

-- BERNAMA

<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2203951>